

26 MAY 2000

DR MAHATHIR MINTA PENDUDUK KUBANG PASU JAGA KEBERSIHAN

JITRA, 26 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penduduk dalam kawasan parlimen Kubang Pasu supaya bekerjasama bagi membersihkan dan mencantikkan kawasan itu agar ia menjadi contoh di seluruh negara.

"Kerajaan boleh mengupah orang membuat kerja pembersihan, tetapi sekiranya orang ramai masih mengamalkan sikap membuang sampah merata-rata, usaha berkenaan akan gagal," katanya pada majlis mesra bersama anggota Barisan Nasional kawasan Parlimen Kubang Pasu di sini.

Dr Mahathir berkata dengan adanya beberapa daya tarikan di Kubang Pasu serta pertumbuhan kawasan industri, daerah itu sering menerima kunjungan para pelancong dan golongan peniaga.

"Saya berjanji sekiranya penduduk di sini dapat menjaga kebersihan, kita akan mengindahkan daerah ini dengan menanam pokok bunga," katanya.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan terus membangunkan kawasan itu dengan kemudahan awam yang diperlukan bagi memudahkan kunjungan pelancong dan pelabur ke kawasan berkenaan.

-- BERNAMA

MZM LAT